

Komunis pernah cetuskan detik hitam kepada rakyat di negara ini

Jangan diulang derita lama

Oleh SUHANA MD. YUSOP dan
HISHAM IDRIS
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - “Jangan diulang lagi penderitaan lama kerana walaupun mereka (kini mungkin) tidak berbunuhan tetapi kekejaman akan tetap berlaku dan semua orang tidak akan merasa selamat.”

Demikian tegas Lt. Jeneral (B) Datuk Seri Zaini Mohd. Said yang menyifatkan kekejaman komunis yang bertindak menyembelih orang awam, polis, guru dan tentera di negara ini suatu ketika dahulu sebagai detik hitam dalam lipatan sejarah.

“Luka lama masih berdarah dan setiap detik hitam yang berlaku masih segar



KESAN kemusnahan yang dilakukan oleh pengganas komunis di ladang getah yang diusahakan oleh JM Allison di Sungai Siput, Perak pada 16 Jun 1948.



SEBUAH bas terbakar akibat diserang hendap pengganas komunis pada masa Darurat.

KOSMO 28/6/2011 2

yang berlaku masih segar dalam ingatan apabila mengenangkan rakyat pada zaman itu menanggung derita dan sentiasa hidup dalam ketakutan," ceritanya.

Menurut Zaini, tindakan komunis yang zalim itu turut menghasut pemikiran rakyat supaya menentang kerajaan, melanggar undang-undang dan perlembagaan sehingga menimbulkan ketakutan kepada orang ramai.

Katanya, cara komunis berkuasa adalah dengan menghasut dan menimbulkan kemarahan rakyat serta berusaha menjatuhkan kerajaan.

"Selepas perang dunia kedua tamat, komunis mula mengganas, me-

reka keluar dari hutan dan mula mencari individu yang disifatkan sebagai musuhnya iaitu orang awam, guru dan tentera serta menyembelih mereka tanpa belas kasihan.

"Malah orang-orang Cina yang berniaga dan menjual beras kepada tentera Jepun semasa perang juga disembelih dan kanak-kanak menjadi mangsa kekejaman komunis," katanya yang turut berjuang menentang komunis.

Semalam, polis mendedahkan sekumpulan aktivis Parti Sosialis Malaysia (PSM) yang ditahan di

Plaza Tol Sungai Dua, Kuala Batas pada petang Sabtu la-



ZAINI



MUHAMMAD



KERATAN muka depan *Kosmo!* semalam.

lu, dipercayai cuba menghidupkan semula fahaman komunis berdasarkan penemuan pelbagai barangan seperti risalah serta baju-T yang tertulis nama Ketua Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng serta pemimpin kanan PKM, Rashid Maidin dan Suriani Abdullah.

Zaini yang pernah menyandang jawatan Panglima Medan Tentera Darat memberitahu, komunis sanggup

melakukan kekerasan untuk mendapatkan kuasa dan sejarah telah membuktikan bahawa fahaman tersebut tidak dapat membahagiakan rakyat atau memajukan negara.

"Fahaman ini memang berbahaya, kita tidak mahu rakyat merana lagi dan memang tepat jika kerajaan bertindak tegas bagi menghapuskan fahaman ini," ujarinya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM), Datuk Muhammad Abdul Ghani meminta orang ramai supaya tidak mudah dipengaruhi dengan fahaman komunis supaya peristiwa hitam yang melanda negara suatu ketika dulu tidak berulang.

Menurut beliau, sebanyak 2,227 anggota tentera terkorban atau cedera ketika mempertahankan negara daripada ancaman komunis.

"Oleh itu, kita tidak mahu peristiwa gelap negara itu berulang kembali," katanya ketika dihubungi *Kosmo!*